

05 DEC 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN FINLAND

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Finland Marti Ahtisaari sempena hari kebangsaan negara itu esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Paavo Lipponen.

Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa hubungan persahabatan dan persefahaman antara kedua-dua negara dan rakyat masing-masing akan terus diperkukuhkan pada masa depan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Tarja Haponen.

-- BERNAMA

RA RON